

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(14)

26 Februari 2013

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.1/2013**

**INSENTIF KEWANGAN PELAJAR/MAHASISWA CEMERLANG
PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA UTMSPACE**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.3/2012 pada 20 November 2012 telah meluluskan pemberian insentif kepada pelajar/mahasiswa cemerlang yang mengikuti Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE* dalam usaha menggalakkan pelajar/mahasiswa melanjutkan pelajaran di *UTMSPACE*. Berikut merupakan insentif yang telah diluluskan:-

(i) Insentif Pelajar/Mahasiswa Baru

- RM500.00 / pelajar/mahasiswa;
- Tertakluk kepada 2 pelajar/mahasiswa sahaja bagi satu sesi pengambilan (setahun ada 4 sesi pengambilan bagi Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda);
- Perlu mendaftar sekurang-kurangnya 9 jam kredit dan berada di semester pertama pengajian; dan
- Perlu menghantar karangan yang bertajuk "*What challenges do you believe will arise during your education in UTMSPACE? How will you overcome these obstacles?*" Panjang karangan mestilah tidak kurang daripada 300 patah perkataan.

(ii) Insentif Institusi

- Insentif diskaun sebanyak 10% daripada yuran pengajian bagi semester pertama sahaja;
- Institusi perlu mendaftar minimum 3 orang staf untuk layak menerima insentif ini; dan
- Pembayaran penuh yuran perlu dijelaskan sebelum minggu ke-9.

(iii) Insentif Loyalti

- Insentif diskaun sebanyak 10% daripada yuran pengajian bagi semester pertama sahaja; dan
- Diberikan kepada pelajar/mahasiswa yang menyambung pengajian ke peringkat Program Ijazah Sarjana Muda setelah mengikuti Program Diploma, Pengajian Separuh Masa di *UTMSPACE*.

(iv) Insentif Pelajar/Mahasiswa Cemerlang

- Pelajar/mahasiswa perlu mendaftar minimum 9 jam kredit kursus yang berstatus Hadir Wajib (HW) dan mempunyai mata nilai gred;
- Yuran pengajian akan dikecualikan sekiranya pelajar/mahasiswa mendapat Purata Mata Nilai Gred (PNG) 4.00 pada semester tersebut;
- Insentif diskaun sebanyak 10% daripada yuran pengajian sekiranya mendapat Purata Mata Nilai Gred (PNG) 3.67 pada semester tersebut; dan
- Tertakluk kepada pembayaran penuh sebelum minggu ke-9 pengajian pada semester tersebut.

(v) Insentif Pembayaran Penuh Yuran Pengajian

- Insentif diskaun sebanyak 5% daripada yuran pengajian setiap semester;
- Pembayaran penuh perlu dilakukan sebelum minggu ke-4 pengajian semester tersebut;
- Insentif ini hanya untuk pelajar/mahasiswa kanan sahaja, pelajar/mahasiswa baru di dalam semester pertama adalah tidak layak menerimanya; dan
- Insentif ini untuk warganegara Malaysia sahaja.

(vi) Insentif untuk OKU (*Physical Disability*)

- Pelajar/mahasiswa yang mempunyai kecacatan fizikal dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah layak memohon insentif ini;
- Insentif diskaun sebanyak 50% daripada yuran pengajian setiap semester diberikan; dan
- Insentif ini adalah untuk semester lazim sahaja dan pelajar/mahasiswa perlu memohon pada setiap semester untuk menerima insentif ini.

(vii) Insentif untuk Warga Emas


- Pelajar/mahasiswa yang berumur 55 tahun adalah layak memohon insentif ini;
- Insentif diskaun sebanyak 20% daripada yuran pengajian diberikan setiap semester;
- Insentif tambahan sebanyak 30% diberikan sekiranya mendapat Purata Mata Nilai Gred (PNG) ≥ 3.50 ; dan
- Insentif ini adalah untuk semester lazim sahaja dan pelajar/mahasiswa perlu memohon pada setiap semester untuk menerima insentif ini.

Insentif ini berkuatkuasa pada **Semester I Sesi 2013/2014** bagi Program Diploma dan Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa *UTMSpace* dan garis penduan permohonan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS

Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

UTMSPACE

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*
- Ketua Jabatan Program Luar, Akademi & Fakulti-Fakulti UTM
 - Pengurus Besar, Bahagian Kewangan *UTMSPACE*
 - Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi *UTMSPACE*
 - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*